

04/01/2002

Parti bertanding buat persiapan

Johari Ibrahim

KANGAR, Khamis - Bahang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan semakin terasa selepas pengumuman tarikh penamaan calon pada 10 Januari ini dan mengundi sembilan hari kemudian oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), semalam.

Senario pilihan raya semakin jelas apabila parti politik yang dijangka bertanding, Barisan Nasional (BN) dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mula giat beroperasi di bilik gerakan masing-masing.

Tinjauan mendapati petugas kedua-dua parti sibuk membuat persediaan di bilik gerakan masing-masing termasuk memasang bendera lambang parti dan poster.

Bagaimanapun persoalan siapa calon yang bakal mewakili BN dan Keadilan masih menjadi tanda tanya dan bahan spekulasi.

"Siapa pun yang dipilih Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sebagai calon, kita akan sokong dan akan bergerak sebagai calon BN," kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Empat tokoh yang disenaraikan sebagai berkemungkinan menjadi calon BN - Ketua MCA bahagian Arau yang juga Ketua Wanita MCA negeri, Ooi Ah Lan; Setiausaha MCA negeri, Tan Kok Kheng; Naib Pengerusi MCA bahagian Kangar, Steven Lee dan ahli jawatankuasa MCA bahagian Kangar, Chng Ban San - juga berikrar akan membantu sesiapa saja yang dipilih di kalangan mereka sebagai calon.

Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin, pula berkata parti itu akan menyokong sesiapa saja yang dicalonkan Keadilan sama ada Melayu atau Cina.

"Ketepatan memilih calon pada pilihan raya ini akan memberi 10 peratus 'undi bonus' kepada kedua-dua pihak," katanya.

Tinjauan juga mendapati petugas pilihan raya parti menjalankan tugas di bilik gerakan masing-masing hingga lewat malam.

MCA membuka bilik gerakan di Lorong Meranti Off Jalan Bukit Lagi, Wisma MCA, Taman Perlis dan Pengkalan Asam.

Sementara itu, Umno mempunyai bilik gerakan di Padang Katong, Rancangan Perumahan Awam Kangar, Bukit Kaya, Guar Syed Alwi, Behor Gandil, Pengkalan Asam, Taman Kemajuan dan Kampung Bakau.

Turut membuka bilik gerakan masing-masing ialah Pergerakan Wanita Umno dan Puteri Umno di Jalan Raja Syed Alwi manakala MIC di Jalan Jubli Emas, di sini.

Berdasarkan senarai daftar pemilih yang diwartakan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) pada 27 Disember lalu, ada 7,976 pengundi di Indera Kayangan termasuk 752 undi pos.

Jumlah itu meningkat 45 pengundi berbanding senarai pada tahun 2000.

Bagaimanapun, pengundi Cina berkurangan sebanyak 39 apabila mereka berpindah ke Taman Pertiwi di kawasan DUN Kayang bersebelahan Indera Kayangan.

Ada tujuh daerah mengundi bagi Indera Kayangan iaitu Padang Katong, Derma, Pekan Lama Kangar, Pengkalan Asam, Pekan Baru Kangar, Seberang Bakau dan Ganding.

Daftar terbaru itu menunjukkan pengundi Melayu adalah kaum terbesar berjumlah 3,781 (47.4 peratus).

Pengundi Cina pula berjumlah 3,701 (46.4 peratus) manakala India 431 pengundi (5.4 peratus) dan baki 63 lagi kaum lain.

(END)